

26 AUG 1997

Asean-Spratly

MALAYSIA KEMUKA CADANGAN CHINA MENGENAI SPRATLY KEPADA ASEAN

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Malaysia akan mendapatkan pandangan Asean mengenai tawaran China supaya Kepulauan Spratly dibangunkan secara bersama oleh negara-negara yang membuat tuntutan bertindih apabila ketua-ketua kerajaan pertubuhan serantau itu bertemu pada persidangan kemuncak tidak rasmi Asean di sini hujung tahun ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata, Malaysia berpendapat tawaran China itu wajar dimaklumkan pada persidangan kemuncak tidak rasmi itu kerana ia turut melibatkan empat daripada sembilan anggota Asean iaitu Malaysia, Vietnam, Filipina dan Brunei.

Beliau berkata, keputusan Malaysia itu telah dinyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Sultan Hassanah Bolkiah pada mesyuarat delegasi Malaysia-Brunei di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini hari ini sempena lawatan rasmi empat hari Sultan Brunei itu ke negara ini.

"Sebagaimana kata Perdana Menteri kita perlu bercakap dengan negara-negara Asean yang lain memandangkan Asean dan banyak juga negara Asean yang terlibat dengan tuntutan bertindih itu telah memainkan peranan yang penting.

"Tuntutan bertindih ini tidak semestinya antara kita dan China sahaja, kadang-kadang dia berlapis-lapis tiga empat negara sekali terlibat. Jadi kita tidak mahu mendahului membuat keputusan mengenai perkara ini kerana ini melibatkan kawan-kawan yang lain yang sama-sama menghadapi masalah, yang sama-sama membuat tuntutan yang bertindih-tindih itu," katanya ketika memberi taklimat kepada pemberita selepas mesyuarat delegasi Malaysia-Brunei itu.

Ketika melawat Malaysia baru-baru ini, Perdana Menteri China, Li Peng mengakui terdapat tuntutan bertindih terhadap Kepulauan Spratly yang jika ingin diselesaikan secara aman oleh negara-negara yang mengemukakan tuntutan itu, ia sudah tentu akan mengambil masa yang lama.

Memandangkan negara-negara yang mengemukakan tuntutan mempunyai keutamaan lain yang lebih penting dan China pula tidak mahu isu itu menjadi penghalang kepada hubungannya dengan negara-negara lain terutama Asean, Li Peng mencadangkan supaya mereka bersama-sama memajukan Kepulauan Spratly.

Selain empat negara anggota Asean, tuntutan bertindih terhadap Kepulauan Spratly juga dibuat oleh China dan Taiwan.

Abdullah berkata, Malaysia belum lagi membuat sebarang pendirian sebagai jawapan kepada pandangan China itu kerana Kuala Lumpur sentiasa menghormati negara-negara lain yang turut mengemukakan tuntutan.

"Masalah ini ada hubung-kait dengan situasi di Laut China Selatan, ia ada hubung-kait dengan kestabilan di rantau ini dan sudah semestinya saya fikir negara-negara Asean memahami pendirian China mengenai perkara ini," katanya.

Abdullah berkata, Sultan Brunei telah menyatakan baginda memahami pandangan yang telah diberikan Dr Mahathir berhubung pendirian China dalam isu itu.

"Jadi biarlah kita bincangkan perkara ini dan kita tengoklah nanti apakah hasil perbincangan itu," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir turut memaklumkan pendirian Malaysia mengenai manipulasi oleh spekulator penyangak terhadap mata wang negara ini dan beberapa negara anggota Asean yang lain.

Katanya, Perdana Menteri menyatakan bahawa beliau akan menyuatkan pendirian tegas Malaysia dan beberapa negara lain mengenai perbuatan

jenayah itu pada persidangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) di Hong Kong bulan depan.

"Kedua-dua pemimpin (Malaysia-Brunei) bersetuju untuk bertukar-tukar maklumat mengenai kegiatan seumpama itu selain mencari jalan untuk mengambil tindakan yang sesuai secara bersama," katanya.

Katanya, Malaysia dan Brunei juga bersetuju bahawa perlu ada tindakan yang bersepadu antara negara-negara anggota Asean bagi menangani masalah itu. -- BERNAMA

AH NMO